



THE 8th UITMCJ ACADEMIC CONFERENCE

Globalisation and Dynamics
Towards a World Class University

CD PROCEEDING

ACCON 08

Penyelenggara:

Rohani binti Jangga

Ainol Hasanah bin Jalaluddin

Dr. Carolyn Soo Kum Yoke

Noridah binti Sain

Terbitan:

BPJIA UiTM Cawangan Johor

2012

Cetakan Pertama 2012

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada BPJIA UiTM Johor.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

CD Proceeding for ACCON 08

8th Academic Conference, UiTM Johor

1. Proceeding

ISBN 978-967-0479-03-3

Diterbitkan oleh:

Bahagian Penyelidikan Jaringan Industri dan Alumni
UiTM Cawangan Johor
KM 12 Jalan Muar
85000 Segamat
JOHOR DT

Dicetak oleh:

Percetakan Segamat

Jalan Orkid
85000 Segamat
JOHOR DT

Pereka grafik: Unit Korporat dan Media
UiTM Johor

CONTENT

CLICK ON THE TITLE TO LINK TO THE FULL PAPER.

***A=Accounting; B= Information Management, Marketing & Management;
C=Economy & Finance; D= FSKM; E=Other Discipline (CITU, APB, LAW)**

NOS.	REF.*	TITLE	AUTHOR
1.	E103	Penglibatan Syarikat Swasta Di Malaysia, Singapura Dan Indonesia Dalam Mengembangkan Potensi Harta Wakaf: Suatu Perbandingan	Mohd Ali Muhamad Don
2.	E104	Acquisition Of Verb-Tenses Among Esl Lecturers: An MDAB Pilot Study	1. Dr Carolyn Soo Kum Yoke 2. Nor Haniza Hasan
3.	A105	Tax Knowledge And Tax Compliance Among Self-Employed In Malaysia	1. Fatimah Alwi 2. Noraizah Abu Bakar
4.	B106	Knowledge Management Initiatives For Sirim Berhad	1. Siti Nuur-Ila Mat Kamal 2. Zainab Sulaiman
5.	B108	Managing Public Transport Service Operation In Reducing Travel Fear Factor	1. Rohana Sham 2. Mashita Sham 3. Khairunnisa Rahman 4. Nurazlina Samsudin
6.	C109	Employees' Perspective Of Ethics	1. Rabiatal Alawiyah Zainal Abidin 2. Raziah Bi Mohamed Sadique 3. Dr. Norhayati Alias 4. Pn Noraizah Abu Bakar
7.	E110	Using Online Corrective Feedback In The Editing Stage Of Academic Writing Among ESL undergraduates	1. Cecilia Bai Rajendran 2. Dr. Carolyn Soo Kum Yoke 3. Noridah Sain 4. Puteri Nur Hidayah Kamaludin 5. Sofwah Md Nawi 6. Suhaili Mohd Yusof

8.	B113	Cointegration And Causality Between Overnight Policy Rate And Commercial Bank Rate	1. Abdul Razak Bin Jambari 2. Azizah Binti Daut 3. Noranita Abdamia
9.	C115	Energy Consumption, Gross Domestic Product, Foreign Direct Investment And Co2 Emission In Malaysia	1. Mohd Azim Sardan 2. Azman Ali 3. Tan Yan Ling 4. Abdul Razak Jambari
10.	C118	Systematic Risk Of Malaysian Stock	1. Tay Bee Hoong 2. Tan Yan Ling 3. Nur'asyiqin Ramdhan 4. Zulkifli Mohamed
11.	B119	The Impact Of Semantic Web On Digital Libraries Development	1. Muhammad Asyraf Bin Wahi Anuar 2. Isma Bin Ishak
12.	E120	Penggunaan Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) Dalam Al-Quran Dari Sudut Masa	Abd Rahman Jamaan
13.	B128	Pusat Sumber Sekolah Sebagai Ejen Kecemerlangan Sijil Pelajaran Malaysia (Spm): Kajian Ke Atas Pelajar Baru Sesi Disember-April 2010, UiTM , Johor	1. Nor Diana Bte Abd. Rahman 2. Nor Ezan Bin Omar 3. Zailani Bin Shafie
14.	E129	Pengurusan Zakat Di IPTA : Pengalaman Dan Cabaran di UiTM	1. Nazrudin Bin Hashim 2. Mohd Zainoddin Bin Mustaffa
15.	E130	Kajian Ke Atas Penggunaan Partikel Mod UiTM al Pelajar Johor Dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin	Chong Peng Hwa
16.	B135	A Case Study Of Digi Telecommunications Sdn Bhd Strategic Marketing Analysis	1. Rohanizan Md Lazan 2. Roslina Ali 3. Shaherah Abd Malik 4. Rabiatal Alawiyah Zainal Abidin
17.	B138	Entrepreneurial Strategic Alliances And Partnership Of Marketing And Retailing In Small And Medium Enterprises In Agro Sapling Supply Chain	1. Shaherah Abd. Malik 2. Wan Haslin Aziah 3. Syaidatul Zarina Mat Din 4. Roha Mohamed Noah 5. Norhayati Omar

18.	D139	Student Timetable Asistant System (Stasys)	1. Noor Azrin Binti Zainuddin 2. Nafisah Binti Jamingan @ Amin 3. Mohamad Azlan Shah Bin Mohamed Azman
19.	E141	Using Readers Theatre To Improve Reading Fluency And Comprehension	1. Evelyn Sharminnie Vasuthavan 2. Dr Carolyn Soo Kum Yoke 3. S Kunaratnam Sita Raman 4. Nor Haniza Hasan 5. Cecilia Bai Rajendran 6. Noridah Sain
20.	A142	How Quantitative And Qualitative Of Data Research Can Be Embedded Together?	1. Dr. Norhayati Alias 2. Pn Noraizah Abu Bakar
21.	B143	Preliminary Study On Social Network Among Malay Smes Entrepreneurs: Gender Differences	1. Oswald Timothy Edward 2. Ehsan Fansuree Surin
22.	E144	Penambahbaikan Pembelajaran Di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor: Kajian Pelaksanaan Sistem Anjal	1. Prof. Madya Ahmad Nawawi Yaakob 2. Nor Rashidah Mohamed
23.	E137	Representasi Semantik Lewat Adat-Istiadat Perkahwinan Dalam Alam Minangkabau	Ainol Hasanah Bin Jalaluddin

PENGUNAAN KATA KERJA KINI (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) DALAM AL-QURAN DARI SUDUT MASA

Abd Rahman Jamaan

*Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi Mara
Cawangan Johor Kampus Segamat*

ABSTRAK

Di antara keistimewaan yang terdapat di dalam Al-Quran ialah penggunaan Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang bertepatan dengan masa dan keadaan. Kajian tertumpu kepada bidang struktur Bahasa Arab yang melibatkan ilmu sintaksis. Ia mendedahkan tentang penggunaan Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) di dalam Al-Quran dari sudut masa. Fokus kajian adalah di dalam Surah Al-Anbiya' di mana penggunaan Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) diperjelaskan melalui ayat-ayat yang terdapat di dalamnya. Apakah partikel yang bergandingan dan mendahuluinya serta apakah masa yang dimaksudkan melaluinya?. Hasil kajian menunjukkan bahawa Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang terbanyak digunakan ialah yang memberi makna 'masa depan' dan diikuti oleh Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa kini' dan 'masa berterusan'. Yang paling sedikit ialah Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa lampau'. Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa Surah Al-Anbiya' mengandungi banyak Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang mempunyai makna yang berbeza berdasarkan kepada tujuan dan cerita yang ingin disampaikan.

Pengenalan

Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) mempunyai peranan yang penting di dalam Bahasa Arab. Ia memberi berbagai-bagai makna. Ia bukan sahaja memberi makna 'masa kini' atau 'masa depan', kadang kala ia memberi makna 'masa lampau' dan 'masa berterusan'. Justeru kajian ini ingin mengenalpasti Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang terdapat di dalam Surah Al-Anbiya' seterusnya mendedahkan ciri-ciri sintaksis Bahasa Arab dengan lebih

jelas. Kajian aspek masa Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) telah dijalankan oleh ahli Bahasa Arab sejak zaman silam lagi seperti Sibawaih (t.w : 180 H) dan Al-Khalil (t.w : 170 H). Mereka membahagikan masa-masa tersebut kepada 3 iaitu masa lampau, masa kini dan masa depan.

Surah Al-Anbiya' adalah surah yang ke 21 di dalam Al-Quran. Ia termasuk dalam surah Al-Makkiyyat dan diturunkan sebelum Nabi Muhammad s.a.w sebelum berhijrah ke Madinah. Al-Anbiya' bermaksud nabi-nabi, bersesuaian dengan isi kandungannya yang menceritakan kisah nabi-nabi a.s dan sebahagian besarnya menceritakan tentang kisah Nabi Ibrahim a.s dan Nabi Daud a.s. Ia memuatkan kisah pengorbanan nabi-nabi a.s dan kesabaran mereka menyebarkan ajaran Islam. Secara umumnya, ia menceritakan tentang aspek aqidah, hari pembalasan, keadaan manusia pada hari kiamat dan ganjaran pahala dan dosa. Berdasarkan sebab-sebab ini, penulis amat tertarik untuk menjadikannya sebagai bahan kajian berkaitan Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) dari sudut masa dan sedikit sebanyak boleh memberi manfaat dan dapat menambahkan kefahaman terhadap Al-Quran.

Kajian dan Tinjauan

Kajian ini berkait rapat dengan Al-Quran dan ia bertujuan untuk membantu masyarakat meningkatkan kefahaman dan kebolehan memahami maksud sebenar yang tersurat dan tersirat dalam Bahasa Arab. Ini kerana Bahasa Arab itu sendiri mempunyai banyak keistimewaan dari segi morfologi, sintaksis, fleksi, leksikal dan semantikanya.

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji penggunaan Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) Bahasa Arab di dalam Surah Al-Anbiya' dari sudut masa dan mengkaji pendapat ahli-ahli Bahasa Arab tentang Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ). Menerusi kajian ini, rahsia dan hikmat di sebalik penggunaan Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) akan dapat diketahui dengan jelas.

Kajian ini membuktikan kehebatan yang terkandung di dalam kitab suci Al-Quran menerusi penggunaan Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang terdapat di dalam Surah Al-Anbiya'. Perbincangan di dalam kajian ini membantu para pendidik menguasai kaedah penggunaan Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang betul dari sudut masa. Konsep masa yang terdapat di dalam Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) akan difahami secara lebih mendalam.

Antara tinjauan terhadap kajian-kajian lepas mengenai aspek masa dalam Bahasa Arab ialah kajian yang dijalankan oleh Munif Zariruddin Fikri bin Nordin (1996). Ia mengkaji gagasan konsep masa dalam Bahasa Arab dengan melihat kedudukan sistem masa dalam kata kerja melalui perspektif sintaksis. Ia tertumpu kepada perbincangan

mengenai fenomena penetapan dan perubahan masa berlandaskan teori-teori dan modul-modul masa serta jalan penyelesaian terhadap masalah-masalah yang dikenalpasti.

Kajian tentang aspek masa di dalam Al-Quran juga pernah dijalankan oleh Reha Mustafa (1999). Ia meninjau perspektif Al-Quran terhadap masa dan mengenalpasti ketetapan istilah-istilah yang digunakan untuk memerikan masa. Penelitian diberikan terhadap gambaran perbezaan konsep masa dalam kehidupan Arab Jahiliyyat dan selepas kedatangan Islam.

Skop Kajian

Kajian ini difokuskan kepada kaedah penggunaan Kata Kerja Kini (الْفِعْلُ الْمُضَارِعُ) dalam Bahasa Arab dalam Surah Al-Anbiya' dari sudut masa. Masa dalam pengkajian Bahasa Arab adalah meliputi masa kini, masa depan, masa lampau dan masa berterusan. Walaupun kajian ini dikhususkan kepada Surah Al-Anbiya' tetapi pengkaji akan mengaitkan ayat-ayat atau perkataan-perkataan dari surah-surah lain sebagai contoh untuk menguatkan hujah yang akan dikemukakan.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian perpustakaan berasaskan buku-buku rujukan mengenai struktur Bahasa Arab dan tafsir. Metod yang digunakan ialah metod penentuan subjek, pengumpulan data dan penganalisan data. Dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk deskriptif bersesuaian dengan objektif kajian. Penganalisan data kualitatif adalah berdasarkan metod induktif dan deduktif. Rumusan dan cadangan diberikan berdasarkan dapatan yang telah diperolehi dan dianalisa.

Kata Kerja Kini (الْفِعْلُ الْمُضَارِعُ)

Kata Kerja Kini (الْفِعْلُ الْمُضَارِعُ) adalah salah satu cabang kata kerja yang terdapat di dalam Bahasa Arab. Secara umumnya ia adalah kata kerja yang menerangkan tentang perbuatan yang berlaku pada masa kini atau masa depan. Penggunaannya yang salah akan mengakibatkan perubahan pada makna. Oleh itu ia perlu digunakan dengan betul agar menepati maksud yang ingin disampaikan.

Menurut Mustafa Al-Ghalayiniy di dalam bukunya Jami' Al-Durus Al-'Arabiyyat, m.s 12, Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) adalah kata kerja yang menunjukkan perbuatan yang berlaku pada masa kini ataupun pada masa depan.

Derivasi Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) diambil daripada Kata Kerja Lampau (الفعل الماضي) dengan penambahan satu huruf daripada huruf-huruf mudari' di awalnya. Huruf-huruf Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) ada empat iaitu: Hamzah (الهمزة), Nun (النون), Ta' (التاء) dan Ya' (الياء). Huruf-huruf ini terletak di awal setiap Kata Kerja Kini (الفعل المضارع). Contohnya: أَذْهَبُ (saya sedang/akan pergi), نَذْهَبُ (kami sedang/akan pergi), تَذْهَبُ (awak sedang/akan pergi), يَذْهَبُ (dia lelaki sedang/akan pergi).

Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) dari Sudut Masa

Menurut Muhammad Ismail Al-Zauba'iy dalam bukunya Mu'jam Al-Jumat Al-Qur'aniyyat : 1988, m.s 93, Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) dari sudut masa mempunyai 6 bahagian iaitu :

1. Memberi makna 'masa kini'.
2. Memberi makna 'masa kini dan berkaitan dengan 'masa depan'.
3. Memberi makna 'masa berterusan'.
4. Memberi makna 'masa depan'.
5. Memberi makna 'masa lampau'.
6. Menyatakan fakta yang tetap.

Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) memberi makna 'masa kini'

Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang memberi makna 'masa kini' mempunyai 7 bentuk iaitu:

1. Ia diketahui berdasarkan ayat. Hanya terdapat sedikit sahaja di dalam Al-Quran. Contoh dalam Surah Maryam ayat 7 : يَا زَكَرِيَّا إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَامٍ اسْمُهُ يَحْيَى
2. Ia diketahui berdasarkan Qarinat Zarfiyyat (kata keterangan yang bergandingan dengan kata kerja di dalam sesuatu ayat). Contoh Qarinat Zarfiyyat ialah perkataan al-yaum اليوم . Contoh dalam Surah Yunus ayat 92 : فَالْيَوْمَ نُنَجِّيكَ بِبَدَنِكَ

Contoh Qarinat Zarfiyyat yang lain ialah perkataan Al-An يَذْهَبُ الْآنَ. Contoh ayat:

3. Ia bergandingan dengan kata kerja syuru' (kata kerja yang menunjukkan mula melakukan sesuatu). Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) tersebut hendaklah menjadi pelengkap untuk kata kerja syuru' tersebut. Contoh: يَشْرَعُ يَكْتُبُ الدَّرْسَ
4. Sekiranya ia dinafikan oleh kata kerja laisa لَيْسَ (tidak) dan juga partikel Ma (مَا) atau In (إِنْ). Contoh: مَا يَسْتَيْقِظُ مِنَ النَّوْمِ (dia tidak bangun dari tidur), لَيْسَ يَسْتَيْقِظُ مِنَ النَّوْمِ (dia tidak bangun dari tidur), إِنْ يَسْتَيْقِظُ مِنَ النَّوْمِ (dia tidak bangun dari tidur).
5. Ia didahului oleh Lam Ibtida'. Contoh: إِنَّ هَذَا الرَّجُلَ لَيُحَسِّنُ عَمَلَهُ (sesungguhnya lelaki ini memperbaiki perkerjaannya). ('Abbas Hassan : 1987, m.s 57-58).
6. Ia di dahului oleh Ma Al-Masdariyyat Al-Zarfiyyat. Contoh: يَسْرُنِي مَا تَتَكَلَّمُ (percakapan kamu mengembirakan saya).
7. Sekiranya ia berada dalam keadaan marfu' dalam situasi hal (menerangkan keadaan). Contoh: أَقْبَلَ الطَّالِبُ يَضْحَكُ (pelajar itu datang dengan ketawa). ('Abbas Hassan : 1987, m.s 57-58).

Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) memberi makna 'masa kini dan berkaitan dengan 'masa depan'

Terdapat banyak Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa kini' dan 'masa depan'. Contoh: Surah Al-Baqarat ayat 233: وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ

Ayat ini menyatakan bahawa ibu-ibu yang telah diceraikan, tetapi mereka mempunyai anak, maka mereka perlulah menyusukan anak mereka itu selama 2 tahun genap. Keadaan perempuan yang menyusukan anak itu berlaku pada 'masa kini' dan diikuti pula dengan tempoh penyusuan iaitu 2 tahun genap. Tempoh penyusuan ini adalah satu tempoh yang menunjukkan 'masa depan'.

Berdasarkan contoh ini kita dapati bahawa Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa kini' dan berkaitan dengan 'masa depan' adalah merupakan arahan dan suruhan daripada Allah s.w.t. Ia adalah merupakan undang-undang syara'.

Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) memberi makna ‘masa depan’

Terdapat 3 bentuk Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna ‘masa depan’, iaitu:

1. Ia bergandingan dengan partikel Al-Tanfis (التَّنْفِيسُ) iaitu Sin السَّيْنُ (akan) dan Sawfa سَوْفَ (akan). Contoh: Surah Al A'la ayat 6: سَنَقْرُوكَ فَلَا تَنْسَى

dan contoh dalam Surah Al-Insyiqaq ayat 7: فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بَيِّنَاتٍ فَسَوْفَ يُحَاسِبُ حِسَابًا يَسِيرًا

Partikel Sawfa yang mendahului Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) ini kebanyakannya merujuk kepada perkara yang akan berlaku dalam jangka masa yang jauh seperti pada hari kiamat.

2. Ia bergandingan dengan perkataan يَوْمٌ (suatu hari) atau يَوْمَئِذٍ (hari itu). Ia menunjukkan masa yang jauh. Contoh dalam Surah Al-Zalzalat ayat 4: يَوْمَئِذٍ تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا
3. Ia diketahui melalui konteks ayat. Contoh dalam Surah Al-A'la ayat 8: وَلْيُسْرَىٰ

Dalam ayat ini kita dapati bahawa Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) memberi makna ‘masa depan’ yang dapat diketahui melalui konteks ayat tersebut. Ayat tersebut menyatakan bahawa Allah akan memudahkan dan ianya akan berlaku pada ‘masa depan’ iaitu hari kiamat.

4. Ia boleh memberi makna ‘masa depan’ sekiranya :

- i) Bergandingan dengan Zaraf Mustaqbal seperti إِذَا (ketika). Contoh dalam Surah Al-Nasr ayat 1: إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ
- ii) Bergandingan dengan partikel syarat إِنْ (jika). Contoh dalam Surah Muhammad ayat 7: إِنْ تَنْصُرُوا اللَّهَ يَنْصُرْكُمْ
- iii) Bergandingan dengan partikel raja’ الرَّجَاءُ (pengharapan). Contoh : لَعَلَّ الْغَائِبُ يَحْضُرُ
- iv) Bergandingan dengan partikel nasab Lan لَنْ (tidak akan). Contoh dalam Surah Al ‘Imran ayat 92: لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ

v) Bergandingan dengan huruf Nun Tawkid (نْ) (untuk penegasan). Contoh:

هَلْ تُسَاعِدَنَّ الْفَقِيرَ

vi) Bergandingan dengan kata Tanya Hal هل (adakah). Contoh:

هَلْ تُقَاتِعُ مَجَالِسَ السُّوءِ

vii) Mempunyai maksud talab الطَّلَبُ (permintaan). Contoh dalam Surah Al-

Baqarat ayat 233: وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ

viii) Mempunyai maksud janji. Contoh dalam Surah Al-Ma'idat ayat 40: يُعَذِّبُ مَنْ

يَشَاءُ وَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ

ix) Menjadi sandaran kepada sesuatu yang dijangka akan berlaku pada masa depan. Contoh: يَدْخُلُ الشُّهَدَاءُ الْجَنَّةَ

Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) memberi makna 'masa lampau'

Menurut Abbas Hassan dalam kitabnya Al-Nahw Al-Wafi, 1987, m.s 57-58, Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) boleh memberi makna 'masa lampau' sekiranya:

1. Ia didahului oleh partikel Lam لَمْ (tidak pernah) dan Lamma لَمَّا (belum). Contoh dalam Surah Al-Ikhlâs ayat 3: لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ . Contoh partikel لَمَّا : لَمَّا قَطَعْتَ الثَّمَرَ وَلَمَّا تَنْضَحْ .
2. Ia didahului oleh Idh إِذْ (apabila). Contoh: أَطَرَبَنِي كَلَامُكَ إِذْ تَقُولُ الْحَقَّ
3. Ia didahului oleh partikel Rubama رُبَّمَا (mungkin). Contoh: رُبَّمَا أَكْرَهُ هَذَا
4. Ia didahului oleh kata kerja Al-Muqarabat الْمُقَارَبَةُ (hampir). Contoh: كَادَ الْمَطَرُ يَنْزِلُ
5. Ia didahului oleh partikel Kana كَانَ yang menunjukkan perbuatan berlaku secara berterusan di dalam tempoh tertentu pada masa lampau. Contoh dalam Surah Al-A'raf ayat 137: وَدَمَّرْنَا مَا كَانَ يَصْنَعُ فِرْعَوْنُ وَقَوْمُهُ
6. Ia memberi makna 'masa depan' dalam tempoh yang berlaku pada 'masa lampau' sekiranya ia didahului oleh huruf Al-Tanfis التَّنْفِيسُ dan Kana كَانَ. Contoh: كُنْتُ سَاسِافِرٍ إِلَى مَكَّةَ الْمُحَرَّمَةِ لَوْ لَا نُقُودِي سُرِقَتْ

Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) memberi makna 'masa berterusan'

Ia mempunyai 2 bentuk iaitu:

1. Masa berterusan yang tidak berkaitan dengan masa
2. Masa berterusan yang berkaitan dengan masa iaitu:
 - i) masa berterusan yang bergandingan dengan kata sendi Hatta حتى (sehingga) dan partikel Lam اللّام (untuk).
 - ii) masa berterusan yang mengikut susuan pola . يفعل + فعل
 - iii) masa berterusan yang menunjukkan masa yang berpanjangan iaitu Mazala مَا زَالَ (sentiasa/masih), Mabariha مَا بَرِحَ dan مَا فَتَى (sentiasa/masih) . يفعل +

Masa berterusan yang tidak berkaitan dengan masa

Menurut Muhammad Ismail Al-Zauba'iy dalam kitabnya Mu'jam Al-Jumlat Al-Qur'aniyyat, 1988, m.s 122, bentuk yang pertama ialah masa berterusan yang tidak berkaitan dengan masa ada 4 bahagian iaitu:

- 1) Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang berkaitan dengan Allah s.w.t. Contoh dalam Surah Al-A'la ayat 7: إِنَّهُ يَعْلَمُ الْجَهْرَ وَمَا يَخْفَى
- 2) Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang menunjukkan sesuatu peristiwa yang mana Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) itu berkaitan dengan Allah s.w.t. Contoh dalam Surah Al-Tariq ayat 15 dan 16: إِنَّهُمْ يَكِيدُونَ كَيْدًا وَأَكِيدُ كَيْدًا
- 3) Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang menunjukkan sesuatu pekerjaan itu berlaku secara berulang dari semasa ke semasa. Contoh dalam Surah Al-Mursalat ayat 15 hingga 18: أَلَمْ نُهْلِكِ الْأَوَّلِينَ ثُمَّ نُنْعِمُهُمُ الْآخِرِينَ كَذَلِكَ نَفْعَلُ بِالْمُجْرِمِينَ
- 4) Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang menunjukkan sifat yang kekal pada diri seseorang. Contoh dalam Surah Al-Mulk ayat 12: إِنَّ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِالْغَيْبِ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ

Masa berterusan yang berkaitan dengan masa

Ia mempunyai 2 bentuk iaitu:

1) Ia melibatkan Kata kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) dan gandingannya dalam sesuatu ayat. Terdapat 2 bahagian Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang bergandingan dengan partikel dalam sesuatu ayat yang menunjukkan ia adalah masa berterusan yang melibatkan masa iaitu:

i) masa berterusan yang bergandingan dengan partikel Hatta حَتَّى (sehingga). Contoh dalam Surah Al-Ma'arij ayat 42: فَذَرَهُمْ يَخُوضُوا وَيَلْعَبُونَ حَتَّى يُلَاقُوا يَوْمَهُمُ الَّذِي يُوعَدُونَ

ii) masa berterusan yang bergandingan dengan partikel Lam اللَّامُ (untuk). Ia dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu:

a) partikel Lam اللَّامُ yang diikuti oleh pola Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi maksud 'masa berterusan'. Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) mestilah berada selepas partikel Lam اللَّامُ. Contoh dalam Surah Al-Qiyamat ayat 5: بَلْ يُرِيدُ الْإِنْسَانُ لِيَفْجُرَ أَمَامَهُ

b) pola Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang bergandingan dengan partikel Lam لَمْ yang menunjukkan 'masa berterusan' dan juga bergandingan dengan Nun نُونُ untuk menguatkan tentang berlakunya peristiwa pada 'masa depan'. Contoh dalam Surah Al-Takathur ayat 5 hingga 8: كَلَّا لَوْ تَعْلَمُونَ عِلْمَ الْبَقِيَّةِ لَتَرَوُنَّ الْجَحِيمَ ثُمَّ لَتَرَوْهَا غَيْنَ الْبَقِيَّةِ ثُمَّ لَتَنسَأَنَّ يَوْمَئِذٍ النَّعِيمَ

2) Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang berkaitan dengan masa berterusan mengikut susunan pola يفعل + فعل. Contoh dalam Surah Al-Qiyamat ayat 33: ثُمَّ ذَهَبَ إِلَى أَهْلِهِ يَتَمَطَّى

3) Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang berterusan yang berkaitan dengan masa yang menunjukkan masa yang berpanjangan iaitu Mazala مَا زَالَ (sentiasa/masih), Mabariha مَا بَرِحَ (sentiasa/masih) dan Mafati'a مَا فَتَى. Perkataan-

perkataan tersebut hendaklah didahului dengan partikel nafi La لا (tidak).
Contoh dalam Surah Al-Baqarat ayat 217: وَلَا يَزَالُونَ يُقَاتِلُونَكُمْ حَتَّى يَرُدُّوكُمْ عَنْ دِينِكُمْ إِنِ اسْتَطَاعُوا

Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang menyatakan fakta yang tetap

Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) boleh menyatakan fakta yang tetap dan langsung tidak berkaitan dengan masa. (Abbas Hassan : 1987, m.s 57-58). Ciri Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang menyatakan fakta tetap ialah ia mestilah menunjukkan sifat yang tidak berubah. Contoh: تَشْرِقُ الشَّمْسُ (matahari bersinar).

Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang didahului oleh partikel nafi

Ia terbahagi kepada 5 bahagian iaitu:

- 1) Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang didahului oleh partikel nafi La لا (tidak).
- 2) Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang didahului oleh partikel nafi Ma ما (tidak).
- 3) Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang didahului oleh partikel nafi Lam لم (tidak).
- 4) Kata Kerja kini (الفعل المضارع) yang didahului oleh partikel nafi Lamma لما (belum).
- 5) Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang didahului oleh partikel nafi Lan لن (tidak pernah).

Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang didahului oleh partikel nafi La لا (tidak)

Menurut Sibawaih, Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang didahului oleh partikel nafi La لا tidak menafikan perbuatan yang berlaku pada masa kini, tetapi ia menafikan perbuatan yang akan berlaku pada masa depan. Pendapat ini disokong oleh Al-Mubarrid. (Al-Mubarrid : 1386 H, jld 1, m.s 47).

Abu Hayyan pula berpendapat bahawa Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang didahului oleh partikel nafi La لا ini menafikan masa kini dan masa depan. (Abu Hayyan : 1978, jld. 1, m.s 107).

Adapun Al-Zarkasyiy berpendapat bahawa ia menafikan perbuatan untuk masa berterusan. (Al-Zarkasyiy : 1972, jld. 4, m.s 353).

Ahmad Mahir dalam bukunya Asalib Al-Nafy : 1968, m.s 20, pula berpendapat bahawa ia menafikan masa yang mutlak dan tidak terentu pada sesuatu masa.

Maka kita dapat simpulkan di sini bahawa Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang bergandingan dengan partikel nafi La لا tidak semestinya menafikan masa depan dan juga tidak semestinya menafikan masa kini. Kita bersetuju bahawa ia menunjukkan kepada masa tertentu melalui gandingan perkataan dan konteks makna di dalam ayat. Ia boleh menafikan untuk masa berterusan sebagaimana pendapat Al-Zarkasyiy. Ayat yang tidak mempunyai gandingan perkataan dan makna pula menafikan masa mutlak.

Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang didahului oleh partikel nafi Ma مَا (tidak)

Ia terbahagi kepada 2 bentuk:

- 1) Ia di dahului oleh partikel nafi Ma مَا dan bergandingan dengan huruf Waw الواو (dan) dan diikuti oleh partikel Illa إِلا (melainkan). Dalam keadaan ini, ia menunjukkan masa mutlak dan tidak berkaitan dengan masa tertentu, sebaliknya ia menunjukkan makna penguat atau penegasan. (Muhammad Ismail Al-Zauba'iy : 1988, m.s 259)
- 2) Ia di dahului oleh partikel Ma مَا dan kemudiannya diikuti oleh partikel Min مِنْ (daripada). Dalam keadaan ini ia mempunyai 2 makna iaitu untuk mengkhususkan yang umum dan untuk menguatkan yang umum. (Muhammad Ismail Al-Zauba'iy : 1988, m.s 264)

Oleh itu penulis berpendapat bahawa Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang didahului oleh partikel Ma مَا ini tidak khusus untuk menafikan sesuatu masa yang tertentu, tetapi ia menafikan masa mutlak.

Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang didahului oleh partikel nafi Lam لَمْ (tidak)

Ibn Hisyam dalam bukunya Syarh Syudhur Al-Dhahab : t.t, m.s 32, membahagikan masa Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang didahului partikel Lam لَمْ kepada 3 masa iaitu:

- 1) Masa lampau yang terputus
- 2) Masa lampau yang berterusan hingga kini

3) Masa yang berterusan selama-lamanya

Tammam Hassan pula berpendapat bahawa ia menafikan masa lampau yang berterusan. (Muhammad Ismail Al-Zauba'iy : 1988, m.s 223-224). Menurut Ibn Hisyam lagi, Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang bersandar pada perkataan 'Allah' tidak menunjukkan masa yang tertentu.

Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang didahului oleh partikel nafi Lamma لَمَّا (belum)

Menurut Ibn Hayyan, Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang didahului partikel nafi Lamma لَمَّا menafikan masa lampau dan berterusan sehingga masa kini. Pendapat ini adalah sama dengan pendapat dari Tammam Hassan, Kamal Ibrahim Badri dan Mustafa Al-Nahhas.

Bagaimanapun Al-Makhzumiy pula berpendapat bahawa ia tidak semestinya menunjukkan penafian untuk masa berterusan sehinggalah masa kini. (Muhammad Ismail Al-Zauba'iy : 1988, m.s 239)

Al-'Aqqad pula berpendapat ia menafikan berlakunya perbuatan yang mungkin akan berlaku pada masa depan.

Bagaimanapun, penulis berpendapat bahawa Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang didahului partikel Lamma لَمَّا ini adalah menafikan masa lampau yang berterusan sehingga masa kini.

Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang didahului oleh partikel nafi Lan لَنْ (tidak pernah)

Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang didahului oleh partikel nafi Lan لَنْ adalah menunjukkan penafian untuk masa depan.

Menurut Sibawaih, ia menafikan masa depan. Kebanyakan ulama' bersependapat dengan pendapat ini. Kata Kerja Kini (الفعل المضارع) yang dinafikan oleh partikel Lan لَنْ ini menafikan berlakunya perbuatan pada masa depan yang jauh iaitu hari kiamat. (Muhammad Ismail Al-Zauba'iy : 1988, m.s 242-243)

Al-Zamakhshariy berpendapat bahawa ia menafikan masa depan dengan kuat, manakala Ibn Hisyam berpendapat bahawa ia menafikan masa depan yang tidak ditentukan masanya. Ulama lain seperti Al-Khisayab mengatakan bahawa ia

menafikan masa yang panjang yang tidak terputus. (Muhammad Ismail Al-Zauba'iy : 1988, m.s 244)

Kesimpulannya, penulis boleh katakan bahawa Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang didahului partikel Lan لَنْ ini membawa penafian untuk masa depan yang dekat dan jauh. Kebanyakan penafian untuk masa depan yang jauh adalah berkaitan dengan janji Allah pada hari kiamat, manakala penafian untuk masa depan yang dekat adalah berkaitan dengan orang-orang mu'min di dunia. Secara keseluruhannya, ia adalah menunjukkan penafian yang kuat.

Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) dalam Surah Al-Anbiya'

Surah Al-Anbiya' mengandungi 112 ayat. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa 72 ayat daripadanya mengandungi Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ).

Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa kini' ialah sebanyak 24.1% atau 27 ayat iaitu ayat ke 2, 3, 5, 6, 7, 12, 13, 18, 21, 22, 36, 38, 44, 45, 49, 60, 65, 66, 67, 79, 81, 82, 89, 98, 108, 109 dan 112.

Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa depan' ialah sebanyak 32.1% atau 36 ayat iaitu ayat ke 3, 8, 10, 13, 17, 18, 23, 24, 28, 29, 30, 31, 35, 37, 39, 40, 43, 45, 46, 47, 57, 58, 61, 66, 67, 80, 87, 88, 94, 95, 96, 100, 102, 103, 104 dan 105.

Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa lampau' ialah sebanyak 6.3% atau 7 ayat iaitu ayat ke 41, 63, 74, 78, 90, 103 dan 109.

Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa berterusan' ialah sebanyak 11.6% atau 13 ayat iaitu ayat ke 4, 9, 18, 19, 20, 23, 25, 27, 28, 33, 42, 60 dan 73.

Selain daripada itu, Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) dalam Surah Al-Anbiya' terdapat dalam konteks Masdar Mu'awwal. Muhammad Samir Al-Lubdiyy dalam kamus istilahnya menerangkan makna istilah ini daripada katanya "masdar mu'awwal itu ialah masdar yang perlu ditafsirkan. Ia terjadi melalui adunan kata kerja dan partikel". Partikel-partikel Masdar Mu'awwal ialah An أَنْ , Ma مَا , Kai كَيْ , Lau لَوْ , Anna أَنَّ , dan Hamzah Al-Taswiyat (إِ).

Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa kini' dalam konteks Masdar Mu'awwal ialah sebanyak 5.3% atau 6 ayat iaitu ayat ke 2, 18, 22, 44, 45 dan 112. Manakala Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa depan' dalam konteks

Masdar Mu'awwal ialah sebanyak 3.6% atau 4 ayat iaitu ayat ke 17, 31, 39 dan 57. Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa lampau' dalam konteks Masdar Mu'awwal pula ialah sebanyak 0.9% atau 1 ayat iaitu ayat ke 109 dan Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa berterusan' dalam konteks Masdar Mu'awwal juga sebanyak 0.9% atau 1 ayat iaitu ayat ke 23.

Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) dalam Surah Al-Anbiya' juga didapati dalam konteks Silat Al-Mausul. Silat Al-Mausul adalah merupakan ayat yang dinyatakan selepasnya untuk melengkapkan makna. (Mustafa Al-Ghalayiniy : 1992, jld 1 : m.s 136). Ia terbahagi kepada 2 bahagian iaitu partikel al-mausul al-khas dan partikel al-mausul al-musyarak. Partikel-partikel al-mausul al-khas ialah اللّٰتِي، اللّٰتَانِ، اللّٰتِي، اللّٰذِي، اللّٰذَانِ، اللّٰذِيْنَ، اللّٰتِيْ، اللّٰتَانِ، اللّٰتِيْ dan partikel-partikel al-mausul al-musyarak ialah مَنْ، مَا، ذَا، أَيُّ، ذُوْ .

Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa kini' dalam konteks Silat Al-Mausul ialah sebanyak 4.5% atau 5 ayat iaitu ayat ke 36, 49, 67, 82 dan 98. Manakala Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa berterusan' dalam konteks Silat Al-Mausul ialah sebanyak 1.8% atau 2 ayat iaitu ayat ke 9 dan 42.

Rumusan dan Cadangan

Melalui kajian ini penulis mendapati bahawa ayat-ayat dalam Surah Al-Anbiya' mengandungi Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa kini', 'masa depan', 'masa lampau' dan 'masa berterusan'. Terdapat juga di antara Kata-kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) tersebut didahului oleh partikel nafi dan ada juga yang didapati dalam konteks Masdar Mu'awwal dan Silat Al-Mausul.

Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang terbanyak ialah yang memberi makna 'masa kini' dan diikuti oleh Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa depan' dan 'masa berterusan'. Yang paling sedikit ialah Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa lampau'.

Terdapat sesetengah ayat di dalam surah ini yang mengandungi lebih daripada satu Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) dan Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) itu pula mempunyai makna yang berbeza. Terdapat juga makna yang berbeza walaupun ia didahului oleh partikel nafi. Ini kerana kemasukan partikel nafi sebelum Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) itu boleh mengubah makna Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) dari sudut masa.

Selain itu, terdapat Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) dalam konteks Masdar Mu'awwal dan Silat Al-Mausul. Ia juga tidak tertumpu kepada sesuatu masa, tetapi mempunyai makna masa yang berbeza.

Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa depan' yang terdapat paling banyak di dalam surah ini kerana ia bersesuaian dengan surah yang menceritakan tentang janji-janji Allah kepada orang yang beriman di hari akhirat. Ia juga menceritakan tentang hari kiamat, balasan-balasan yang akan diterima oleh manusia iaitu syurga dan neraka serta menceritakan tentang keadaan manusia pada hari kiamat dan keadaan mereka yang diseksa di dalam neraka.

Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa kini' pula adalah yang kedua terbanyak di dalam surah ini kerana surah ini menceritakan tentang nabi-nabi pada masa dahulu dan juga tentang keadaan orang-orang musyrikin di dunia yang ingkar pada suruhan Allah s.w.t.

Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang memberi makna 'masa berterusan' pula kebanyakannya adalah berkaitan dengan sifat-sifat dan perbuatan Allah s.w.t. Ini kerana sifat-sifat dan perbuatan Allah itu maha agung dan tidak terbatas bagi fikiran manusia.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa Surah Al-Anbiya' mengandungi banyak Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) yang mempunyai makna yang berbeza berdasarkan kepada cerita yang ingin disampaikan.

Secara amnya, bidang struktur Bahasa Arab yang melibatkan ilmu sintaksis ini sangat penting untuk dipelajari dan dikaji oleh individu yang berada dalam lingkungannya atau diluar lingkungannya. Selain itu, ilmu sintaksis Bahasa Arab ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan Al-Quran yang menjadi pedoman hidup manusia. Segala perkataan dan ayat yang diungkapkan mengandungi berbagai-bagai rahsia kemukjizatan yang sangat unik yang hanya dapat difahami apabila dilihat dari aspek kajian seperti ini.

Memahami keadah penggunaan Kata Kerja Kini (الفِعْلُ الْمُضَارِعُ) amat penting terutama dalam nas-nas yang diambil dari Al-Quran dan Al-Hadith. Perkara ini sangat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di pelbagai peringkat.

Untuk memantapkan pembelajaran dan kefahaman Bahasa Arab, adalah dicadangkan bahawa ilmu ini hendaklah diajar diperingkat rendah dan seterusnya ia perlulah dipraktikkan dan disebarkan penggunaannya kepada masyarakat. Diharapkan menerusi

kajian ini dapat membuktikan ketinggian ilmu Bahasa Arab dan menjadi pencetus kepada kajian-kajian Al-Quran yang lain pada masa akan datang.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim.

‘Abbas Hasan (t.t). *Al-Nahwu Al-Wafi*. Kaherah: Dar Al-Ma’arif.

‘Abduh Al-Rajihi (1988). *Al-Tatbiq fi Ulum Al-Quran*. Beirut: Dar Al-Nahdat Al-Arabiyyat.

Abdullah Basmi (1980). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman*. Kuala Lumpur: Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri.

Abu Hayyan Al-Andalusiy (t.t). *Al-Bahr Al-Muhit*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyat.

Ahmad Hasyim (1409 H). *Mudhakkarat fi Al-Nahwi Wa Al-Sarf*. Madinah: Matabi’ Al-Jami’at Al-Islamiyyat.

Al-Khalil Al-Nahwi (1991). *Al-Mu’jam Al-Asasi Al-Muyassar*. Tunisia: Beta.

Ibn Al-Jinniy (1985). *Sir Sinaat Al-’Irab*, Tahqiq: Hasan Handawi. Beirut.

Ibn Hisyam (1979). *Mughni Al-Labib*, Tahqiq: Mazin Al-Mubarak.

Muhammad Ismail Al-Zauba’iy (1988). *Mu’jam Al-Jumlat Al-Quraniyyat*. Baghdad: Matba’ah Al-Ta’lim Al-Aliy.

Mustafa Al-Ghalayiniy (1998). *Jami’ Al-Durus Al-Arabiyyat*, cet.35. Beirut: Al-Maktabat Al-Asriyyat.